

28/05/1997

Pemangku PM maklum pengguguran Sahar

KUALA SELANGOR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau sudah dimaklumkan berhubung pengguguran Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Tunggal, Datuk Sahar Arpan sebagai Exco Dewan Undangan Negeri Melaka.

Pemangku Perdana Menteri turut mengesahkan Ketua Menteri Melaka, Datuk ABu Zahar Isnin membincangkan perkara itu dengan beliau.

Bagaimanapun, beliau menolak pengguguran itu berpunca daripada siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap beberapa Exco Melaka.

"Saya sudah diberitahu (pengguguran Sahar). Keputusan ini selepas kita bincang," katanya selepas merasmikan Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor di sini, petang ini.

Sahar, 44, yang juga Ketua Umno Selandar adalah Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian Sains, Teknologi dalam barisan Exco sebelum ini.

Adun Serkam, Datuk Ahmad Hamzah, 49, dan Adun Pulau Sebang, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus, 60, adalah dua muka baru yang dilantik sebagai Exco.

(END)